

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Kritikal Care360

Disediakan Khas untuk:

CONTOH

Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM100,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk ejen anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.

Disediakan oleh: PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

Manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had.

Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

1 Apa itu PruBSN Kritikal Care360?

PruBSN Kritikal Care360 merupakan pelan takaful keluarga dengan sumbangan berkala yang menawarkan perlindungan selama 40 tahun apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Utama yang merangkumi tahap awal, pertengahan dan akhir, atau sekiranya berlaku Penyakit Terminal atau kematian. Apabila sijil anda meningkat usia, Protection Booster akan meningkatkan perlindungan sebanyak 5% daripada Jumlah Asas Perlindungan setiap 5 tahun, sehingga 15% bagi tempoh perlindungan 20 tahun atau sehingga 30% bagi sijil tamat tempoh umur 70 atau 80. Selain itu, anda akan menerima Wellness Reward bersama jumlah nilai dalam ISA dan IUA (jika ada) apabila sijil matang, serta Living Reward jika terus hidup 5 tahun selepas tarikh kelulusan tuntutan Penyakit Kritikal Tahap Akhir. Pelan ini juga menawarkan manfaat tambahan melalui Recovery Allowance untuk bantuan kewangan selepas Pembedahan Besar atau kemasukan ke Unit Rawatan Rapi. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Akaun yang berkenaan untuk PruBSN Kritikal Care360:

- **Akaun Khas Individu (ISA)** - Akaun ini memegang sebahagian besar daripada sumbangan anda bagi pelan asas untuk tujuan perlindungan. Penolakan *Tabarru'* bagi pelan asas akan ditolak daripada akaun ini. Selain itu, lebihan yang boleh diagihkan dan keuntungan pelaburan juga akan diperuntukkan ke dalam akaun ini.
- Nilai tunai sijil ialah jumlah keseluruhan amaun dalam ISA dan nilai unit dalam IUA (jika ada). Nilai-nilai ini dipengaruhi oleh prestasi dana ISA, dan harga unit dana Takafulink yang mendasari dalam IUA (jika ada), yang berubah-ubah berdasarkan prestasi pelaburan masing-masing.

Konsep Syariah yang berkenaan di bawah PruBSN Kritikal Care360:

- **Taawun:** Apabila anda menyumbang kepada Dana *Tabarru'* bagi manfaat kewangan bersama ketika berlakunya kejadian yang telah dipersetujui.
- **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila anda melantik PruBSN untuk mengurus dan melabur dana dengan yuran, serta yuran prestasi daripada lebihan boleh agih daripada Dana *Tabarru'*.
- **Mudarah:** Apabila anda melantik PruBSN untuk melabur ISA anda, keuntungan akan dikongsi berdasarkan kadar yang telah dipersetujui.

Nota: Keterangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lampiran, kod QR atau dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, untuk RM176.00 Bulanan, dengan Jumlah Perlindungan Asas RM100,000.00, anda akan menerima perlindungan/manfaat-manfaat Takaful Keluarga berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal Utama ²	<ul style="list-style-type: none"> • Penyakit Kritikal Awal, merangkumi Penyakit Kritikal Tahap Awal dan Pertengahan: 50% daripada RM100,000.00 ditambah dengan Protection Booster (jika ada), dihadkan kepada RM250,000 seumur hidup. Tuntutan hanya sekali sepanjang tempoh sijil dan ia akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas yang Dilindungi serta Protection Booster (jika ada). • Penyakit Kritikal Tahap Akhir: RM100,000.00, Protection Booster (jika ada) dan nilai tunai selepas ditolak sebarang manfaat yang telah dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal dan Angioplasti⁴. 																		
Protection Booster ³	Jumlah tambahan akan dibayar apabila didiagnosis dengan Penyakit Kritikal Utama, Penyakit Terminal atau kematian, berdasarkan tahun sijil ketika kejadian berlaku.																		
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Sijil Tahun semasa didiagnosis Penyakit Kritikal Utama, Penyakit Terminal atau Kematian</th> <th>Jumlah Protection Booster Tambahan (%) daripada Jumlah Perlindungan Asas</th> </tr> <tr> <td></td> <td>Umur Tamat 70</td> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1-5</td> <td>0%</td> </tr> <tr> <td>6-10</td> <td>5%</td> </tr> <tr> <td>11-15</td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>16-20</td> <td>15%</td> </tr> <tr> <td>21-25</td> <td>20%</td> </tr> <tr> <td>26-30</td> <td>25%</td> </tr> <tr> <td>31 dan seterusnya</td> <td>30%</td> </tr> </tbody> </table>	Sijil Tahun semasa didiagnosis Penyakit Kritikal Utama, Penyakit Terminal atau Kematian	Jumlah Protection Booster Tambahan (%) daripada Jumlah Perlindungan Asas		Umur Tamat 70	1-5	0%	6-10	5%	11-15	10%	16-20	15%	21-25	20%	26-30	25%	31 dan seterusnya	30%
Sijil Tahun semasa didiagnosis Penyakit Kritikal Utama, Penyakit Terminal atau Kematian	Jumlah Protection Booster Tambahan (%) daripada Jumlah Perlindungan Asas																		
	Umur Tamat 70																		
1-5	0%																		
6-10	5%																		
11-15	10%																		
16-20	15%																		
21-25	20%																		
26-30	25%																		
31 dan seterusnya	30%																		
Wellness Reward	Sebanyak 1% daripada RM100,000.00 bagi setiap tahun selepas ulang tahun sijil ke-20 sehingga sijil matang akan dibayar bersama nilai matang Wellness Reward hanya tersedia untuk sijil dengan tamat tempoh umur 70 atau 80. Untuk layak, sijil mesti kekal berkuat kuasa sehingga sijil matang dengan semua sumbangan dibayar sehingga tarikh terkini, dan tiada tuntutan yang dibuat di bawah Penyakit Kritikal Awal atau sebarang tuntutan yang mengakibatkan penamatan sijil, seperti Penyakit Kritikal Tahap Akhir (kecuali Angioplasti ⁴), Penyakit Terminal atau kematian.																		
Living Reward	Living Reward dibayar selepas 5 tahun daripada tarikh kelulusan tuntutan Penyakit Kritikal Tahap Akhir (tidak termasuk Angioplasti ⁴) selagi orang yang dilindungi masih hidup pada masa itu. Living Reward ini ialah jumlah 1% daripada RM100,000.00 bagi setiap tahun sijil selepas ulang tahun ke-20 sehingga sijil matang. Living Reward tidak terjejas oleh sebarang tuntutan sebelumnya di bawah Penyakit Kritikal Awal, Recovery Allowance dan/atau Angioplasti ⁴ .																		
Recovery Allowance	Recovery Allowance membayar sejumlah RM10,000 apabila Orang Dilindungi menjalani Pembedahan Besar atau kemasukan berterusan ke Unit Rawatan Rapi selama 6 hari di hospital. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali bagi setiap sijil dan tidak akan mengurangkan Jumlah Asas Perlindungan.																		
Manfaat Kematian ¹	RM100,000.00, Protection Booster (jika ada) dan nilai tunai selepas ditolak sebarang manfaat yang telah dibayar sebelum kematian Orang Dilindungi di bawah Penyakit Kritikal Awal dan Angioplasti ⁴ .																		
Manfaat Penyakit Terminal ¹	RM100,000.00, Protection Booster (jika ada) dan nilai tunai selepas ditolak sebarang manfaat yang telah dibayar di bawah Penyakit Kritikal Awal dan Angioplasti ⁴ .																		
Nilai Matang	Nilai tunai sijil tersebut bersama dengan Wellness Reward (jika ada).																		

Nota:

1. Apabila pembayaran Manfaat Penyakit Kritikal Utama dibuat selepas diagnosis Penyakit Kritikal Tahap Akhir (kecuali Angioplasti⁴), Penyakit Terminal atau kematian, manfaat akan dibayar dan sijil akan ditamatkan.
2. Berikut adalah kategori penyakit kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat Penyakit Kritikal Utama. Sila rujuk Lampiran atau Dokumen Sijil untuk pecahan Penyakit Kritikal Awal (merangkumi Tahap Awal dan Pertengahan) sehingga Penyakit Kritikal Tahap Akhir.

• Kanser	• Pembedahan Arteri Koronari	• Kegagalan Buah Pinggang	• Penyakit Autoimun
• Serangan Jantung	• Strok	• Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	• Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
• Penyakit Arteri Koronari	• Penyakit Paru-Paru		
3. Protection Booster tidak akan terjejas walaupun selepas sebarang tuntutan Penyakit Kritikal Awal, Angioplasti⁴ dan/atau Recovery Allowance.
4. Untuk tujuan dokumen ini, "Angioplasti" merangkumi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Protection Booster (jika ada), tertakluk kepada maksimum RM25,000, akan dibayar bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. Manfaat ini boleh dituntut sekali sahaja sepanjang tempoh sijil.





Keterangan mengenai perlindungan dan manfaat di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

Pelan takaful Perubatan dan Kesihatan anda mengecualikan:

- **Bunuh diri** : Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat Kematian jika kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh berkuat kuasa sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, yang mana kemudian. Sebaliknya, kami akan membayar nilai tunai sijil.
- **Keadaan Sedia Ada** : Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat Penyakit Kritikal Utama dan Recovery Allowance jika ketidakupayaan, keadaan, penyakit atau kejadian itu berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana Keadaan Sedia Ada yang tidak dideklarasikan kepada kami berkaitan dengan status kesihatan Orang yang Dilindungi.

Nota: Senarai pengecualian di atas tidak menyeluruh. Anda mesti merujuk kepada Lampiran atau dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

Jika anda memerlukan bantuan atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Sijil Takaful Perubatan dan Kesihatan anda, anda boleh:

 Hubungi PruBSN di: 03-2775 7188	 Emel PruBSN di: customer@prubsn.com.my	 Lawati* kami di: https://www.prubsn.com.my/ms/protection/prubsn-kritikal-care360/	 Imbas* kod QR: Lampiran PruBSN Kritikal Care360
--	---	---	--

*Takinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pautan / Kod QR.

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk sijil takaful Perubatan dan Kesihatan ini, anda mesti membayar sumbangan takaful Bulanan sebanyak:			
Sumbangan Perlindungan (ISA)	PruBSN Kritikal Care360	RM 166.00	Tempoh: 40 tahun
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:			
Jumlah Caj Wakalah, yang termasuk:	RM 12,568.80 atau 14.88 % daripada Jumlah Sumbangan RM 84,480.00 <i>Jumlah Caj Wakalah merangkumi (i) Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan dan (ii) Caj Sijil Wakalah untuk semua tahun sijil</i>		
(i) Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan, yang termasuk:	RM 7,768.80 atau 9.20 % daripada Jumlah Sumbangan RM 84,480.00		
<ul style="list-style-type: none"> Komisen (dibayar selama 6 tahun) 	RM 3,406.00 atau 4.03 % daripada Jumlah Sumbangan RM 84,480.00		
<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan Pengurusan (dibayar selama 10 tahun) 	RM 4,362.80 (yang termasuk Duti Setem sebanyak RM10) atau 5.17 % daripada Jumlah Sumbangan RM 84,480.00		
(ii) Caj Sijil Wakalah	Akan berbeza mengikut kekerapan pembayaran, RM 10.00 Bulanan		
Caj lain yang dikenakan (Hanya terpakai untuk IUA)	<ul style="list-style-type: none"> Caj Wakalah Pengurusan Aset (jika ada) Caj Wakalah Pertukaran Dana (jika ada) 	<ul style="list-style-type: none"> Caj Wakalah Tambah Sumbangan Tunggal (jika ada) Caj Wakalah Pengeluaran Separa (jika ada) 	
Nota:			
<ul style="list-style-type: none"> Sila rujuk kepada <i>Ilustrasi Produk</i> untuk Jumlah Bayaran, cukai perkhidmatan (jika ada), dan Jumlah Sumbangan Tahunan. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas semua sumbangan yang dibayar untuk tujuan perniagaan. Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan: Termasuk perbelanjaan pengurusan PruBSN (termasuk duti setem yang dibayar sekali bagi setiap sijil) dan komisen yang dibayar kepada ejen perkhidmatan. Komisen adalah kos terus bagi saluran pengedaran untuk pemasaran produk ini. Caj Wakalah Pendahuluan sebanyak 5% dikenakan untuk setiap Penambahan Sumbangan Tunggal dan juga caj-caj lain yang dikenakan (jika ada). Maklumat Tambahan: Yuran dan caj yang disenaraikan tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran, ilustrasi produk, atau dokumen sijil. 			

4 Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> Keperluan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul semasa menjawab sebarang soalan yang diajukan oleh kami. Kewajipan pendedahan anda diteruskan sehingga sijil takaful dikeluarkan. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau sijil takaful ditamatkan. Tempoh Penangguhan: Anda mempunyai tempoh 1 bulan tarikh sumbangan patut dibayar untuk membayar sumbangan untuk sijil ini. Sijil ini akan kekal berkuat-kuasa semasa tempoh penangguhan. Anda boleh merujuk kepada dokumen sijil bagi definisi tarikh sumbangan perlu dibayar. Peruntukan Tanpa Luput: Sijil ini tidak akan luput walaupun nilai tunai menjadi sifar dalam tempoh 72 bulan pertama sijil. Selepas itu, sijil akan luput jika nilai tunai tidak mencukupi untuk menampung jumlah Penolakan <i>Tabarru'</i> dan caj-caj. Tabarru' yang tidak dijamin: Kadar <i>Tabarru'</i> untuk PruBSN Kritikal Care360 adalah tidak dijamin. Kami boleh menyemak semula kadar <i>Tabarru'</i> pada ulang tahun sijil dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada peserta. Tempoh menunggu: Kelayakan untuk manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu di bawah dari tarikh sijil berkuatkuasa, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh pengendorsan, yang mana kemudian. 		
Manfaat	Tempoh Menunggu	Tempoh Kelangsungan
Manfaat Penyakit Kritikal Utama dan Recovery Allowance	<ul style="list-style-type: none"> 60 hari bagi Penyakit Kritikal Awal, Penyakit Kritikal Tahap Akhir dan Recovery Allowance yang berkaitan dengan Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari. 30 hari bagi keadaan dan penyakit lain yang dilindungi 	Tiada
Recovery Allowance	<ul style="list-style-type: none"> 120 hari bagi sebarang pembedahan untuk mana-mana keadaan yang disenaraikan di bawah Penyakit Tertentu. Tiada tempoh menunggu jika disebabkan oleh kemalangan. 	Tiada
Manfaat Penyakit Terminal	30 hari	7 hari
Sila ambil perhatian bahawa jika anda memuar pelan semasa anda dengan pelan lain atau dari satu penyedia kepada penyedia lain, anda mungkin dikenakan syarat penilaian risiko baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru tersebut		
Nota: Terma utama di atas ini tidak lengkap. Sila rujuk Lampiran dokumen sijil untuk senarai penuh terma.		

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

<p>Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh Rujukan Percuma: Anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas sijil tersebut diserahkan kepada anda. Kami akan memulangkan nilai tunai serta sebarang Caj Sijil Wakalah, potongan <i>Tabarru'</i>, Caj Wakalah Pendahuluan dan Cukai Perkhidmatan (jika ada) yang telah ditolak, setelah ditolak sebarang caj perubatan yang ditanggung oleh PruBSN. Notis Bertulis: Anda boleh membatalkan sijil ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah dibatalkan, kami akan membayar nilai tunai kepada anda (jika ada), selepas menolak sebarang jumlah yang masih tertunggak kepada kami sepanjang tempoh sijil. Sila ambil perhatian bahawa nilai tunai yang dibayar mungkin jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.
--